

## PENGEMASKINIAN TERMA DAN SYARAT

### TERMA DAN SYARAT BAGI BSN SIJIL SIMPANAN PREMIUM (SSP)

KLAUSA	SEDIA ADA	DIKEMAS KINI
<b>A. TERMA DAN SYARAT AM</b>		
<b>1. DEFINISI DAN TAFSIRAN</b>	<p>1.1 Melainkan tujuan menyatakan sebaliknya, takrif dan taksiran berikut hendaklah terpakai:</p> <p>(a) <b>“Notis yang Memadai”</b> bermaksud notis dua puluh satu (21) hari kalendar sebelum tarikhkuatkuasa.</p> <p>(b) <b>“Bank”</b> bermaksud Bank Simpanan Nasional (BSN).</p> <p>(c) <b>“Laman Web Bank”</b> merujuk kepada laman web rasmi Bank iaitu <a href="http://www.bsn.com.my">www.bsn.com.my</a>.</p> <p>(d) <b>“BSN SSP”</b> bermaksud Sijil Simpanan Premium (SSP) yang dikendalikan mengikut kontrak Mudarabah serta tertakluk kepada Kaedah-Kaedah BSN SSP di bawah Akta Bank Simpanan Nasional 1974.</p> <p>(e) <b>“Pelanggan”</b> bermaksud pemegang BSN SSP termasuk individu berumur 12 tahun dan ke atas.</p> <p>(f) <b>“Kadar Keuntungan Indikatif”</b> bermaksud jangkaan Kadar keuntungan yang terpakai untuk BSN SSP, seperti yang dipaparkan di laman web Bank dan / atau di cawangan dari semasa kesemasa.</p> <p>(g) <b>“Baki Minimum Bulanan”</b> bermaksud baki minimum yang terdapat bagi bulan semasa.</p> <p>(h) <b>“Mudarabah”</b> adalah kontrak antara pemilik modal (<i>rabbul mal</i>) dan pengusaha (<i>mudarib</i>) di mana pemilik modal menyediakan modal untuk diuruskan oleh pengusaha dan sebarang keuntungan yang terhasil dari modal tersebut dikongsi di antara pemilik modal dan pengusaha mengikut nisbah perkongsian keuntungan (NPK) yang dipersetujui manakala kerugian ditanggung oleh pemilik modal.</p> <p>(i) <b>“Nisbah Perkongsian Keuntungan (NPK)”</b> bermaksud</p>	<p>1.1 Melainkan secara nyata dinyatakan sebaliknya, definisi dan tafsiran berikut hendaklah terpakai:</p> <p>(a) <b>“Akaun Pelanggan”</b> bermaksud mana-mana akaun yang dibuka oleh Pelanggan dengan pihak Bank dimana BSN SSP Pelanggan diselenggara.</p> <p>(b) <b>“AML/CFT”</b> merujuk kepada Pencegahan Pengubahan Wang Haram / Pencegahan Pembiayaan Keganasan sepertimana diperuntukkan di bawah Undang-undang Pencegahan Pengubahan Wang Haram yang ditakrifkan di sini.</p> <p>(c) <b>“Baki Minimum Bulanan”</b> bermaksud baki minimum yang terdapat dalam Akaun SSP Pelanggan bagi bulan semasa.</p> <p>(d) <b>“Bank”</b> bermaksud Bank Simpanan Nasional (BSN).</p> <p>(e) <b>“BSN SSP”</b> bermaksud Sijil Simpanan Premium (SSP) yang dikendalikan mengikut kontrak Mudarabah serta tertakluk kepada Kaedah-Kaedah BSN SSP di bawah Akta Bank Simpanan Nasional 1974.</p> <p>(f) <b>“Butiran Keselamatan”</b> termasuk tetapi tidak terhad kepada Kata Laluan Elektronik dan apa-apa maklumat sulit lain dan/atau kod keselamatan yang digunakan berkaitan dengan Akaun Pelanggan.</p> <p>(g) <b>“Hadiah”</b> merujuk kepada hadiah yang dimenangi oleh Pemenang melalui cabutan BSN SSP.</p> <p>(h) <b>“Hibah”</b> adalah pemindahan pemilikan aset dari pemberi ke penerima tanpa sebarang pertimbangan dan merupakan satu bentuk kontrak kebajikan.</p> <p>(i) <b>“Kadar Keuntungan Indikatif”</b> bermaksud jangkaan kadar keuntungan yang terpakai untuk BSN SSP, sepertimana yang dipaparkan di laman web Bank dan/atau di cawangan Bank dari semasa kesemasa.</p> <p>(j) <b>“Laman Web Bank”</b> merujuk kepada laman web rasmi</p>

	<p>nisbah perkongsian keuntungan yang telah ditetapkan untuk dikongsi antara pemilik modal dan pengusaha.</p> <p>(j) <b>“Langganan”</b> bermaksud transaksi deposit BSN SSP yang dilakukan oleh Pelanggan.</p> <p>(k) <b>“Butiran Keselamatan”</b> termasuk tetapi tidak terhad kepada Kata Laluan Elektronik dan apa-apa maklumat sulit lain dan/atau kod keselamatan yang digunakan berkaitan dengan Akaun Pelanggan.</p> <p>(l) <b>“Pemenang”</b> bermaksud Pelanggan yang memenangi Cabutan BSN SSP yang dipilih melalui Enjin Cabutan BSN SSP.</p>	<p>Bank iaitu <a href="http://www.bsn.com.my">www.bsn.com.my</a>.</p> <p>(k) <b>“Langganan”</b> bermaksud transaksi deposit atau pembelian BSN SSP yang dilakukan oleh Pelanggan.</p> <p>(l) <b>“Mudarabah”</b> adalah kontrak antara pemilik modal (<i>rabbul mal</i>) dan pengusaha (<i>mudarib</i>) di mana pemilik modal menyediakan modal untuk diuruskan oleh pengusaha dan sebarang keuntungan yang terhasil dari modal tersebut dikongsi di antara pemilik modal dan pengusahamengikuti nisbah perkongsian keuntungan (NPK) yang dipersetujui manakala kerugian ditanggung oleh pemilik modal.</p> <p>(m) <b>“Nisbah Perkongsian Keuntungan (NPK)”</b> bermaksud nisbah perkongsian keuntungan yang telah ditetapkan untuk dikongsi antara pemilik modal dan pengusaha.</p> <p>(n) <b>“Notis Mencukupi”</b> bermaksud notis dua puluh satu (21) hari kalendar sebelum tarikh kuatkuasa perkara yang dinyatakan di bawah peruntukan yang berkenaan.</p> <p>(o) <b>“Pelanggan”</b> bermaksud pemegang BSN SSP iaitu individu berumur 12 tahun dan ke atas.</p> <p>(p) <b>“Pemenang”</b> bermaksud Pelanggan yang memenangi Cabutan BSN SSP yang dipilih melalui Enjin Cabutan BSN SSP.</p> <p>(q) <b>“Pihak Ketiga”</b> merujuk kepada pihak ketiga yang melaksanakan langganan BSN SSP seperti yang diperincikan dalam Klausa 3.1(b) dan (c) di bawah;</p> <p>(r) <b>“Undang-undang Pencegahan Pengubahan Wang Haram”</b> bermaksud undang-undang, peraturan dan/atau ketepatan yang berkaitan dengan pencegahan pengubahan wang haram, pembiayaan anti-keganasan dan hasil daripada aktiviti haram termasuk tetapi tidak terhad kepada Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001 Malaysia.</p> <p>(s) <b>“Wakalah”</b> merujuk kepada kontrak dimana satu pihak, sebagai prinsipal (<i>muwakkil</i>) mengizinkan pihak lain sebagai ejennya (<i>wakil</i>) untuk melaksanakan sesuatu perbuatan yang boleh diwakilkan, dengan atau tanpa mengenakan bayaran.</p>
--	---	--

<p><b>2. KONSEP SHARIAH</b></p>	<p>2.1 Konsep shariah yang digunapakai adalah <i>Mudarabah</i> yang melibatkan kontrak antara pemilik modal iaitu Pelanggan dan pengusaha iaitu Bank di mana Pelanggan menyediakan modal untuk diuruskan oleh Bank dan sebarang keuntungan yang terhasil dari modal tersebut dikongsi di antara Pelanggan dan Bank mengikut Nisbah Perkongsian Keuntungan (NPK) yang dipersetujui manakala kerugian ditanggung oleh Pelanggan selagi mana kerugian tersebut tidak disebabkan oleh tindakan salah laku (<i>ta'addi</i>), cuai (<i>taqsir</i>) atau pelanggaran syarat-syarat (<i>mukhalafah al-shurut</i>) oleh Bank.</p> <p>2.2 Pelanggan dengan ini bersetuju dengan mengekalkan BSN SSP dengan Bank termasuk hadiah cabutan dan keuntungan (dividen) sekiranya ditukarkan kepada BSN SSP di bawah nama Pelanggan adalah berdasarkan kontrak <i>Mudarabah</i> dan hanya akan dihentikan serentak setelah pembubaran kontrak <i>Mudarabah</i> antara Pelanggan dan Bank.</p>	<p>2.1 Konsep <i>Shariah</i> yang digunapakai adalah <i>Mudarabah</i>, yang melibatkan kontrak antara pemilik modal (Pelanggan atau Pihak Ketiga, mengikut keadaan) dan pengusaha (Bank) di mana Pelanggan atau Pihak Ketiga (mengikut keadaan) menyediakan modal untuk diuruskan oleh Bank dan sebarang keuntungan yang terhasil dari modal tersebut dikongsi di antara Pelanggan dan Bank mengikut Nisbah Perkongsian Keuntungan (NPK) yang dipersetujui manakala kerugian ditanggung oleh Pelanggan selagi mana kerugian tersebut tidak disebabkan oleh tindakan salah laku (<i>ta'addi</i>), cuai (<i>taqsir</i>) atau pelanggaran syarat-syarat (<i>mukhalafah al-shurut</i>) oleh Bank.</p> <p>2.2 Langganan adalah berterusan dan kekal berkuat kuasa dan hanya akan dianggap tamat setelah pembubaran kontrak <i>Mudarabah</i> antara Bank dan Pelanggan atau Pihak Ketiga, mengikut keadaan.</p> <p>2.3 Pelanggan selanjutnya bersetuju bahawa konsep <i>Shariah</i> kontrak <i>Mudarabah</i> yang dinyatakan di atas hendaklah juga terpakai dalam mengatur hubungan antara Pelanggan dan Bank berhubung Hadiah (dalam bentuk BSN SSP) serta keuntungan (dividen) sekiranya ditukarkan kepada BSN SSP di bawah nama Pelanggan.</p>
<p><b>3. LANGGANAN BSN SSP</b></p>	<p>N/A</p>	<p>3.1 Terdapat tiga cara langganan BSN SSP:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>(a) Oleh Pelanggan: Bagi Langganan BSN SSP oleh Pelanggan sendiri, Pelanggan bertindak dengan kapasitinya sebagai pemilik modal (<i>rabbul mal</i>) dan Bank sebagai pengusaha (<i>mudarib</i>).</li> <li>(b) Oleh wakil Pelanggan: Langganan BSN SSP juga boleh dilakukan oleh pihak ketiga berdasarkan permintaan Pelanggan, melalui perlantikan agensi (<i>wakalah</i>), dengan tujuan melaksanakan Langganan bagi pihak Pelanggan (<i>rabbul mal</i>) dan Bank sebagai pengusaha (<i>mudarib</i>).</li> <li>(c) Oleh pihak ketiga: BSN SSP juga boleh dilanggan oleh pihak ketiga (individu/organisasi/syarikat) untuk dihadiahkan kepada</li> </ul>

		<p>Pelanggan sebagai pemberian cenderahati persaraan, anugerah cemerlang, anugerah khidmat setia, bonus dan lain-lain. Bagi langganan sebegini, pihak ketiga bertindak di atas kapasitinya sendiri sebagai pemilik modal (<i>rabbul mal</i>) dan pihak Bank sebagai pengusaha (<i>mudarib</i>). Seterusnya, pihak ketiga akan memindahkan hak milik langganan BSN SSP tersebut kepada Pelanggan berdasarkan kontrak pemberian (<i>hibah</i>).</p> <p>3.2 Bank berhak untuk menolak sebarang permohonan oleh Pelanggan dan/atau Pihak Ketiga untuk melanggan BSN SSP jika Pelanggan dan/atau Pihak Ketiga gagal mengemukakan maklumat dan/atau dokumen yang sah, lengkap dan/atau tepat yang diperlukan oleh Bank dan/atau Pelanggan dan/atau Pihak Ketiga tidak memenuhi sebarang syarat dan/atau syarat tambahan yang ditetapkan oleh Bank untuk tujuan tersebut.</p> <p>3.3 Pelanggan dan/atau Pihak Ketiga bersetuju dan membenarkan Bank melakukan sebarang carian termasuk tetapi tidak terhad kepada carian insolvensi/kebankrapan dan penyaringan AMLA/CFT ke atas Pelanggan dan/atau Pihak Ketiga dalam memproses permohonan Pelanggan dan/atau Pihak Ketiga bagi Langganan BSN SSP.</p> <p>3.4 Langganan BSN SSP adalah tertakluk kepada syarat yang dikenakan oleh Bank termasuk umur minimum, jumlah Langganan minimum, dokumen pengenalan serta keperluan lain dan/atau dokumen sokongan yang mungkin ditetapkan oleh Bank dari semasa ke semasa.</p>
<p><b>4. PEMBUKAAN AKAUN PELANGGAN</b></p>	<p>3.1 BSN SSP hendaklah tertakluk kepada keperluan Bank termasuk umur minimum, amaun langganan minimum, dokumen pengenalan dan keperluan lain yang mungkin dikenakan oleh pihak Bank dari semasa ke semasa.</p> <p>3.2 BSN SSP terbuka kepada akaun Individu sahaja. Akaun Bersama dan Amanah adalah tidak dibenarkan.</p>	<p>4.1 Setelah Langganan BSN SSP berjaya dilakukan oleh Pelanggan dan/atau Pihak Ketiga, Bank akan menghasilkan dan membuka Akaun Pelanggan di mana BSN SSP tersebut dan sebarang Langganan BSN SSP pada masa hadapan oleh Pelanggan akan diselenggara.</p> <p>4.2 BSN SSP terbuka kepada Pelanggan individu sahaja dan Akaun Pelanggan hendaklah kekal sebagai akaun-akaun individu sahaja.</p>

	<p>3.3 Pelanggan bersetuju dan memberi kebenaran kepada pihak Bank untuk menjalankan apa-apa carian termasuk tetapi tidak terhad kepada carian insolvensi/ kebangkrapan termasuk saringan AML/CFT ke atas Pelanggan mengikut polisi Bank.</p> <p>3.4 Pelanggan dengan ini bersetuju bahawa Bank mempunyai budi bicara untuk meminta Pelanggan mengemukakan sebarang dokumen sokongan tambahan bagi tujuan langganan BSN SSP.</p> <p>3.5 Bank berhak untuk menolak sebarang permohonan langganan BSN SSP oleh Pelanggan sekiranya Pelanggan gagal mengemukakan maklumat dan/atau dokumen yang sah dan tepat dan/atau tidak memenuhi mana-mana keperluan atau syarat tambahan yang dikenakan oleh Bank.</p>	<p>Pembukaan akaun bersama dan akaun amanah bagi BSN SSP adalah tidak dibenarkan.</p> <p>4.3 Pelanggan bersetuju dan memberi kebenaran kepada pihak Bank untuk menjalankan apa-apa carian termasuk tetapi tidak terhad kepada carian insolvensi/ kebangkrapan termasuk saringan AML/CFT ke atas Pelanggan sebelum pembukaan Akaun Pelanggan.</p> <p>4.4 Bank berhak mengambil apa-apa tindakan yang difikirkan perlu oleh Bank terhadap Pelanggan sekiranya, selepas Langganan BSN SSP dan/atau pembukaan Akaun Pelanggan, Pelanggan didapati telah melakukan penipuan dokumen dan/atau di mana sebarang maklumat yang diberikan oleh Pelanggan kepada Bank didapati tidak tepat, palsu dan/atau mengelirukan.</p>
<p><b>5. PENGESAHAN DOKUMEN PENGENALAN</b></p>	<p>4.1 Semua transaksi yang dilakukan di Bank adalah tertakluk kepada bukti pengenalan selaras dengan polisi Bank dan hendaklah disahkan mengikut cara dan kaedah, termasuk tetapi tidak terhad kepada pengenalan melalui pengesahan cap ibu jari, yang dianggap sesuai dan diterima pakai oleh pihak Bank dari semasa ke semasa. Bank tidak akan bertanggungjawab untuk bergantung kepada mana-mana proses pengesahan ke atas dokumen pengenalan yang dikemukakan oleh pihak Pelanggan dan meneruskan untuk melaksanakan transaksi perbankan yang berkaitan.</p>	<p>5.1 Semua transaksi yang dilakukan di Bank berdasarkan Terma dan Syarat ini adalah tertakluk kepada pengesahan identiti Pelanggan dan/atau Pihak Ketiga sepertimana diperlukan oleh Bank. Pengesahan tersebut boleh dilaksanakan secara manual atau elektronik dan pihak Bank tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang tuntutan, kerugian, kerosakan, penalti, caj, kos dan/atau perbelanjaan (mana-mana berkenaan) yang ditanggung atau dialami oleh Pelanggan dan/atau Pihak Ketiga disebabkan tindakan Bank yang bergantung kepada hasil pengesahan tersebut.</p> <p>5.2 Sekiranya tandatangan Pelanggan digunakan sebagai pengesahan, tandatangan yang sama hendaklah digunakan seperti yang terdapat di dalam rekod pihak Bank ketika membuat urusan bagi mengelakkan sebarang kesulitan.</p>
<p><b>6. KEUNTUNGAN</b></p>	<p>5.1 Sebarang keuntungan (dividen), jika ada, akan dibahagikan kepada Pelanggan dan Bank berdasarkan Nisbah Perkongsian Keuntungan (NPK) yang dipersetujui pada penghujung setiap tempoh genap tahun Kewangan.</p> <p>5.2 Keuntungan (dividen) BSN SSP akan dikira berdasarkan Baki Minimum Bulanan dan hanya akan dibayar sekiranya peletakan memenuhi keseluruhan bulan berdasarkan</p>	<p>6.1 Keuntungan (dividen) daripada Langganan BSN SSP, jika ada, akan dibahagikan antara Pelanggan dan Bank berdasarkan Nisbah Perkongsian Keuntungan (NPK) yang dipersetujui pada penghujung setiap tempoh genap tahun Kewangan.</p> <p>6.2 Pelanggan bersetuju bahawa Bank mempunyai hak, mengikut budi bicara Bank, untuk meminda PSR yang dipersetujui pada bila-bila masa dengan memberikan Notis Mencukupi kepada Pelanggan di mana PSR yang dipinda akan dipaparkan di cawangan-cawangan</p>

	<p>fomula berikut:  <b>Baki Minima Bulanan X Kadar Keuntungan Indikatif* X Bilangan Hari / 365 (Bukan Tahun Lompat) @ 366 (Tahun Lompat)</b>  <i>*Nota: Rujuk kadar keuntungan indikatif semasa di Laman Web Bank</i></p> <p>5.3 Pelanggan dengan ini bersetuju bahawa keuntungan (dividen), sekiranya ada, akan dibayar berdasarkan kriteria berikut:-</p> <p>(a) Keuntungan (dividen) berjumlah RM10 dan ke atas akan ditukarkan kepada BSN SSP di bawah nama Pelanggan, di dalam gandaan RM10. Lebihan baki yang tinggal (jika ada) akan dikreditkan ke dalam akaun simpanan/ semasa Pelanggan di BSN.</p> <p>(b) Keuntungan (Dividen) berjumlah RM1 sehingga kurang daripada RM10 akan dikreditkan kedalam akaun simpanan/ semasa Pelanggan di BSN; <b>ATAU</b></p> <p>(c) Keuntungan (dividen) yang bernilai kurang daripada RM1 akan disalurkan ke Akaun Kebajikan yang diluluskan oleh pihak Bank dari semasa ke semasa.</p> <p>5.4 Merujuk kepada perkara 5.3 di atas, Pelanggan yang tidak mempunyai akaun simpanan/ semasa BSN untuk tujuan pengkreditan keuntungan (dividen) boleh menuntut keuntungan (dividen) melalui mana-mana kaunter cawangan BSN dalam tempoh satu (1) tahun dari tarikh pembayaran keuntungan (dividen). Sekiranya tidak dituntut, keuntungan (dividen) tersebut akan diklasifikasikan sebagai “Wang Tidak Dituntut”.</p> <p>5.5 Pelanggan dengan ini bersetuju bahawa Bank berhak pada bila-bila masa untuk menyemak semula Nisbah Perkongsian Keuntungan dengan mengemukakan notis yang memadai kepada Pelanggan dengan memaparkan kadar semak semula di cawangan-cawangan Bank atau di Laman Web Bank.</p>	<p>Bank dan/atau di Laman Web Bank.</p> <p>6.3 Pelanggan bersetuju untuk terikat dengan PSR semasa dan Kadar Keuntungan Indikatif (termasuk sebarang pindaan ke atas PSR tersebut yang dibuat oleh Bank dari semasa ke semasa) yang dipaparkan di cawangan Bank dan/atau di Laman Web Bank. Sekiranya berlaku ketidakselarasan antara PSR dan Kadar Keuntungan Indikatif yang diterbitkan di Laman Web Bank dan yang diterbitkan/dinyatakan di tempat lain (termasuk pada slip transaksi Langganan BSN SSP), PSR dan Kadar Keuntungan Indikatif yang dipaparkan di Laman Web Bank akan mengatasi yang lain-lain dan hendaklah terpakai kepada Pelanggan.</p> <p>6.4 Keuntungan (dividen) daripada Langganan BSN SSP akan dikira berdasarkan Baki Minimum Bulanan dengan syarat BSN SSP hendaklah aktif sepenuhnya sepanjang bulan tersebut, berdasarkan fomula berikut:</p> <p><b>Baki Minima Bulanan X Kadar Keuntungan Indikatif* X Bilangan Hari peletakan BSN SSP / 365 (Bukan Tahun Lompat) atau 366 (Tahun Lompat)</b>  <i>*Nota: Sila Rujuk NPK dan kadar keuntungan indikatif semasa yang dipaparkan di Laman Web Bank.</i></p> <p>6.5 Pelanggan dengan ini bersetuju bahawa keuntungan (dividen) daripada Langganan BSN SSP, sekiranya ada, akan dibayar berdasarkan kriteria berikut:</p> <p>(a) Keuntungan (dividen) berjumlah RM10 dan ke atas akan ditukarkan kepada BSN SSP di bawah nama Pelanggan, dalam gandaan RM10. Lebihan baki yang tinggal (jika ada) akan dikreditkan ke dalam akaun simpanan/semasa Pelanggan di BSN (jika ada); <b>ATAU</b></p> <p>(b) Keuntungan (Dividen) berjumlah RM1 sehingga RM9.99 akan dikreditkan ke dalam akaun simpanan/semasa Pelanggan di BSN (jika ada); <b>ATAU</b></p> <p>(c) Keuntungan (dividen) yang bernilai kurang daripada RM1 akan disalurkan ke akaun kebajikan yang diluluskan oleh pihak Bank dari semasa ke semasa.</p>
--	--	---

		6.6 Merujuk kepada Klausa 6.5 di atas, Pelanggan yang tidak mempunyai akaun simpanan/semasa di BSN untuk tujuan pengkreditan keuntungan (dividen) boleh menuntut keuntungan (dividen) melalui mana-mana kaunter cawangan BSN dalam tempoh satu (1) tahun dari tarikh pembayaran keuntungan (dividen). Sekiranya tidak dituntut, keuntungan (dividen) tersebut akan diklasifikasikan sebagai "Wang Tidak Dituntut" dan akan diuruskan oleh Bank berdasarkan Akta Wang Tidak Dituntut 1965.
<b>7. SLIP TRANSAKSI BSN SSP</b>	6.1 Pihak Bank tidak lagi akan mengeluarkan sijil BSN SSP dan sebaliknya telah memperkenalkan BSN SSP tanpa sijil dimana pihak Bank akan mengeluarkan slip transaksi langganan BSN SSP. Slip transaksi ini dianggap sebagai dokumen yang sah sebagai bukti simpanan BSN SSP. Slip transaksi / sijil BSN SSP ini tidak berharga kepada sesiapa yang menjumpainya kecuali kepada pemilik atau penyimpan BSN SSP. Jika slip transaksi tersebut hilang, penyimpan hanya perlu membawa dokumen pengenalan diri yang sah seperti kad pengenalan atau pasport ke mana-mana kaunter Cawangan BSN.	7.1 Pihak Bank tidak lagi akan mengeluarkan sijil BSN SSP dan sebaliknya Bank mengeluarkan slip transaksi Langganan BSN SSP. Slip transaksi ini dianggap sebagai dokumen yang sah sebagai bukti Langganan BSN SSP. Slip transaksi dan sijil BSN SSP ini tidak boleh dipindahmilik dan adalah tidak berberharga kepada orang lain kecuali Pelanggan itu sendiri.
<b>8. PENEBUSAN</b>	7.1 Pelanggan dengan ini bersetuju bahawa BSN SSP boleh ditebus sepenuhnya atau sebahagian daripadanya selepas empat puluh lima (45) hari dari tarikh langganan.  7.2 Penebusan BSN SSP boleh dibuat di mana-mana Cawangan Bank atau mana-mana saluran perbankan yang disediakan oleh Bank dari semasa ke semasa.	8.1 Pelanggan dengan ini bersetuju bahawa BSN SSP boleh ditebus sepenuhnya atau sebahagian daripadanya selepas empat puluh lima (45) hari dari tarikh Langganan.  8.2 Penebusan BSN SSP boleh dibuat di mana-mana Cawangan Bank atau mana-mana saluran perbankan yang disediakan oleh Bank dari semasa ke semasa.  8.3 Jika slip transaksi sepertimana dinyatakan di Klausa 7.1 di atas hilang, Pelanggan hendaklah mengemukakan dokumen pengenalan diri yang sah, seperti kad pengenalan atau pasport, sebagai ganti kepada slip transaksi tersebut di mana-mana kaunter Cawangan BSN bagi tujuan penebusan BSN SSP.

<p><b>9. CABUTAN BSN SSP</b></p>	<p>8.1 BSN SSP yang tidak ditebus adalah layak menyertai Cabutan BSN SSP yang dijalankan oleh pihak Bank dari semasa ke semasa dan tertakluk kepada kriteria cabutan dan kelayakan cabutan seperti yang dinyatakan oleh pihak Bank di Laman Web Bank dari semasa ke semasa.</p> <p>8.2 Pelanggan berikut <b>TIDAK LAYAK</b> untuk menyertai Cabutan BSN SSP:-</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>(a) Kakitangan tetap dan/atau kontrak BSN, termasuk anak syarikatnya dan/atau syarikat-syarikat berkaitan ("Kakitangan"); dan</li> <li>(b) Mana-mana Pelanggan / Kakitangan yang ditentukan oleh Bank dari semasa ke semasa.</li> </ul>	<p>9.1 Semua BSN SSP yang tidak ditebus adalah layak menyertai Cabutan BSN SSP yang dijalankan oleh pihak Bank dari semasa ke semasa dan tertakluk kepada kriteria cabutan dan kelayakan cabutan seperti yang dinyatakan oleh pihak Bank di Laman Web Bank dari semasa ke semasa.</p> <p>9.2 Pelanggan berikut <b>TIDAK LAYAK</b> untuk menyertai cabutan BSN SSP:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>(a) Kakitangan tetap dan/atau kontrak BSN, anak syarikatnya dan/atau syarikat-syarikat berkaitannya ("Kakitangan"); dan</li> <li>(b) Mana-mana Pelanggan yang meninggal dunia sebelum hari pertama dalam tempoh dua belas (12) bulan kalendar berturut-turut sebelum bulan di mana cabutan SSP BSN diadakan; dan</li> <li>(c) Lain-lain Pelanggan / Kakitangan yang ditentukan oleh Bank dari semasa ke semasa.</li> </ul>
<p><b>10. HADIAH CABUTAN &amp; PEMENANG</b></p>	<p>9.1 Hadiah yang dimenangi tidak boleh dipindah milik atau ditukar dengan wang tunai, kredit atau apa-apa yang lain sama ada sebahagian atau keseluruhan. Hadiah boleh dilihat di Laman Web Bank.</p> <p>9.2 Pelanggan bersetuju bahawa BSN tidak memberi sebarang representasi atau jaminan berkenaan dengan kualiti dan/ atau kesesuaian hadiah serta tidak bertanggungjawab untuk memberi apa-apajenis hadiah gantian disebabkan kecacatan bahan atau buatan oleh syarikat pengeluaran di bawah jaminan atau sebaliknya termasuk hadiah yang telah diisytiharkan hilang atau dicuri oleh mana mana mahkamah. Pemenang hendaklah berurusan secara terus dengan pembekal bagi semua maklumat jaminan atau tuntutan tanpa membabitkan BSN.</p> <p>9.3 Bagi hadiah yang berbentuk kenderaan, pendaftaran pemilik perlu dibuat atas nama pemenang. Pihak Bank akan menanggung kos pendaftaran kenderaan tersebut. Sekiranya terdapat sebarang perubahan dari segi kos yang ditanggung, ianya akan ditentukan oleh pihak Bank dari semasa ke semasa mengikut budi bicara mutlakny.</p>	<p>10.1 Hadiah yang dimenangi tidak boleh dipindah milik atau ditukar dengan wang tunai, kredit atau apa-apa yang lain sama ada sebahagian atau keseluruhan. Senarai Hadiah akan dipaparkan di Laman Web Bank dari semasa ke semasa.</p> <p>10.2 Hadiah Cabutan BSN SSP perlu dituntut oleh Pemenang sendiri dalam tempoh dua belas (12) bulan dari tarikh cabutan BSN SSP di mana jika gagal berbuat demikian Pemenang dianggap telah melepaskan Hadiah tersebut dan pihak Bank berhak atas budi bicaranya melupakan Hadiah tersebut melalui cara yang difikirkan sesuai, termasuk tetapi tidak terhad kepada memilih pemenang baru sebagai pengganti. Melainkan dinyatakan sebaliknya di sini, sebarang tuntutan Hadiah daripada pihak ketiga tidak akan dilayan.</p> <p>10.3 Di mana berkenaan dan/atau apabila perlu, pihak Bank berhak melantik pembekal Hadiah dan/atau penyedia perkhidmatan penghantaran untuk menghantar Hadiah (kecuali hadiah berbentuk BSN SSP) kepada Pemenang. Kaedah dan cara penghantaran hadiah akan ditentukan dari semasa ke semasa mengikut budi bicara pihak Bank. Pemenang membenarkan pihak Bank untuk berkongsi maklumat Pemenang kepada pembekal Hadiah dan/atau penyedia perkhidmatan penghantaran dan bersetuju untuk dihubungi secara terus oleh pembekal Hadiah dan/atau penyedia perkhidmatan penghantaran bagi tujuan penghantaran Hadiah.</p>

	<p>9.4 Setelah kenderaan didaftarkan atas nama pemenang, pihak Bank tidak akan bertanggungjawab dalam apa-apa keadaan sekalipun terhadap kerosakan atau kecacatan kenderaan tersebut atau perkhidmatan pada masa hadapan dan/atau termasuk penyelenggaraan kenderaan yang dijadualkan.</p> <p>9.5 Tertakluk kepada pematuhan prosedur dan polisi Bank, Hadiah Cabutan BSN SSP perlu dituntut oleh pemenang atau waris pemenang dalam tempoh dua belas (12) bulan dari tarikh Cabutan BSNSSP. Pihak Bank tidak akan melayan sebarang tuntutan selepas tamat tempoh tersebut.</p> <p>9.6 Sekiranya pemenang telah meninggal dunia sebelum tuntutan Hadiah dibuat, waris yang sah boleh menuntut hadiah Cabutan BSN SSP sama ada berupa BSN SSP atau kenderaan atau barangan dalam tempoh dua belas (12) bulan daripada tarikh cabutan atau tarikh kematian pemenang (yang mana terdahulu) dimana-mana cawangan Bank mengikut Polisi bank.</p> <p>9.7 Pemenang atau warisnya yang sah adalah dianggap telah melepaskan hak mereka jika gagal menuntut hadiah dalam tempoh yang telah ditetapkan.</p> <p>9.8 Pihak Bank akan melantik syarikat pembekal yang sah bagi urusan pembekalan dan penghantaran hadiah (kecuali hadiah berbentuk BSN SSP) kepada pemenang. Kaedah dan cara penghantaran hadiah akan ditentukan dari semasa ke semasa mengikut budi bicara pihak Bank.</p> <p>9.9 Pemenang bersetuju dan memberi kuasa kepada pihak Bank untuk berkongsi maklumat mereka sebagaimana yang difikirkan patut oleh pihak Bank kepada syarikat pembekal untuk tujuan penghantaran hadiah.</p>	<p>10.4 Pemenang Meninggal Dunia</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>a) Dengan syarat Pemenang tidak dikategorikan sebagai tidak layak untuk mengambil bahagian dalam cabutan BSN SSP sepertimana Klausa 9.2(b) di atas, sekiranya Pemenang telah meninggal dunia sebelum tuntutan Hadiah dibuat, waris Pemenang yang sah boleh menuntut Hadiah dalam tempoh dua belas (12) bulan daripada tarikh cabutan dimana-mana cawangan Bank, tertakluk kepada pematuhan syarat-syarat yang boleh ditetapkan oleh Bank. Jika tidak, Pemenang atau warisnya yang sah adalah dianggap telah melepaskan hak mereka untuk menuntut Hadiah tersebut dan pihak Bank berhak atas budibicaranya melupakan Hadiah tersebut melalui cara yang difikirkan sesuai, termasuk tetapi tidak terhad kepada memilih pemenang baru sebagai pengganti.</li> <li>b) Bank berhak mengikut budi bicaranya untuk membatalkan kemenangan Pemenang jika didapati bahawa Pemenang tersebut tidak layak untuk menyertai cabutan SSP BSN berdasarkan Klausa 9.2(b) di atas dan seterusnya, memilih Pemenang lain sebagai pengganti.</li> </ol> <p>10.5 Bagi Hadiah berbentuk kenderaan:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>a) Pendaftaran hak milik akan dibuat atas nama Pemenang di mana kosnya akan ditanggung oleh Bank.</li> <li>b) Setelah kenderaan didaftarkan atas nama Pemenang, pihak Bank hendaklah tidak dipertanggungjawabkan dalam apa-apa keadaan sekalipun terhadap kerosakan atau kecacatan kenderaan tersebut atau penyelenggaraan masa hadapan termasuk penyelenggaraan kenderaan yang dijadualkan.</li> </ol> <p>10.6 Bagi hadiah berbentuk BSN SSP:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>a) Pemenang adalah dinasihatkan untuk menyemak butiran Hadiah di mana-mana Cawangan Bank dengan mengemukakan surat pemakluman yang dikeluarkan oleh Bank kepada Pemenang dan dokumen pengenalan diri Pemenang.</li> </ol>
--	---	--

	<p>9.10 Syarikat pembekal yang sah akan menghubungi pemenang secara terus untuk mengatur urusan penghantaran hadiah.</p> <p>9.11 Hadiah perlu dituntut oleh pemenang sendiri. Tuntutan oleh pihak ketiga tidak akan dilayan(Tertakluk kepada syarat kategori cabutan).</p> <p>9.12 Bagi hadiah berbentuk BSN SSP, pemenang adalah dinasihatkan untuk menyemak hadiah mereka di mana-mana Cawangan Bank dengan mengemukakan surat pemakluman dan dokumen pengenalan diri.</p> <p>9.13 Pemenang bersetuju bahawa Bank dari semasa ke semasa boleh untuk menukar atau menggantikan mana-mana hadiah dengan mana-mana barangan dengan nilai yang sama atau rendah termasuk dari model yang berlainan dari semasa ke semasa dengan mengemukakan notis mencukupi sebelum penukaran atau penggantian dilaksanakan dan ianya tidak boleh dipertikaikandengan cara apa jua.</p> <p>9.14 Sebarang pertanyaan mengenai tuntutan hadiah Cabutan BSN SSP boleh dipos ke alamat Ibu Pejabat BSN yang dinyatakan seperti di perkara 10.4 terma dan syarat ini.</p>	<p>10.7 Pelanggan dan/atau Pemenang bersetuju bahawa Bank boleh, dari semasa ke semasa, menukar/menggantikan mana-mana hadiah dengan mana-mana barangan pada nilai yang sama atau lebih rendah, termasuk dari tahun dan model yang berlainan, dengan mengemukakan Notis Mencukupi sebelum penukaran atau penggantian dilaksanakan. Keputusan yang dibuat oleh Bank dalam hal ini adalah muktamad dan konklusif. Sebarang pertikaian oleh Pelanggan dan/atau Pemenang berkenaan dengannya tidak akan di layan.</p> <p>10.8 Pemenang bersetuju bahawa BSN tidak memberi sebarang representasi atau jaminan berkenaan dengan kualiti dan/atau kesesuaian hadiah serta tidak bertanggungjawab untuk memberi apa-apa jenis hadiah gantian disebabkan kecacatan bahan atau buatan oleh pembekal/pengeluar di bawahjaminan atau sebaliknya atau Hadiah yang hilang atau dicuri sepertimana diisytiharkan mahkamah atau sebaliknya. Pemenang hendaklah berurusan secara terus dengan pembekal bagi semua maklumat jaminan dan/atau tuntutan tanpa membabitkan BSN.</p> <p>10.9 Sebarang pertanyaan mengenai tuntutan ke atas Hadiah cabutan BSN SSP boleh diajukan kepada Ibu Pejabat BSN seperti yang dinyatakan di Klausa 11.4 terma dan syarat ini.</p>
<p><b>11. KEPUTUSAN CABUTAN BSN SSP &amp; PEMAKLUMAN KEPADA PEMENANG</b></p>	<p>10.1 Keputusan dan pengumuman Cabutan boleh dilihat melalui Laman Web Bank.</p> <p>10.2 Pemenang akan dihubungi oleh Bank melalui surat atau apa-apa bentuk mel elektronik berdasarkan alamat terakhir / nombor kontak yang diberikan kepada bank semasa melanggan BSN SSP. Notis pemakluman rasmi kepada pemenang akan dihantar ke alamat terakhir pemenang yang terdapat di dalam rekod Bank dalam tempoh empat belas (14) hari dari tarikh Keputusan Cabutan disiarkan.</p> <p>10.3 Pemenang Hadiah Utama perlu mengemukakan maklumat</p>	<p>11.1 Keputusan dan pengumuman cabutan BSN SSP dan pengumuman Pemenang boleh dirujuk di Laman Web Bank.</p> <p>11.2 Surat pemakluman rasmi berhubung keputusan kemenangan juga akan dihantar oleh Bank melalui pos ke alamat terkini Pemenang yang berdaftar dalam rekod Bank dalam tempoh empat belas (14) hari dari tarikh keputusan cabutan disiarkan. Pemenang juga boleh dihubungi oleh Bank melalui komunikasi elektronik dan/atau lain-lain cara yang difikirkan sesuai oleh Bank berdasarkan alamat/nombor telefon terkini Pemenang yang didaftarkan dalam sistem Bank. Sekiranya terdapat percanggahan antara butiran Hadiah dalam mana-mana komunikasi yang dibuat oleh Bank kepada Pemenang, butiran Hadiah yang dinyatakan dalam notis pemakluman rasmi hendaklah mengatasi yang lain-lain.</p>

	<p>dan dokumen berikut kepada pihak Bank untuk tujuan pengesahan tuntutan tertakluk kepada polisi dan prosedur Bank untuk menuntuthadiah:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>(a) Salinan kad pengenalan (KP) / Pasport atau mana-mana dokumen yang diperlukan oleh Bank dari semasa ke semasa;</li> <li>(b) Alamat; dan</li> <li>(c) Nombor telefon</li> </ul> <p>10.4 Pemenang hendaklah mengemukakan maklumat dan dokumen seperti yang dinyatakan di perkara 10.3 melalui serahan atau pos ke alamat Ibu Pejabat BSN yang dinyatakan seperti berikut:-</p> <p style="text-align: center;"><b>Seksyen Sokongan Perniagaan, Jabatan Deposit &amp; Pembayaran, 117, Jalan Ampang, 50450 Kuala Lumpur Telefon/ Faks: 03-20283222 Samb. 12620 / 15694</b></p> <p>10.5 Pemenang dengan ini bersetuju bahawa pihak Bank tidak akan bertanggungjawab ke atas kehilangan atau kerosakan mana-mana dokumen yang dihantar oleh pemenang.</p> <p>10.6 Pelanggan dengan ini bersetuju bahawa penentuan pemenang adalah muktamad. Tiada sebarang surat-menyurat, pertanyaan, rayuan atau protes akan dilayan.</p>	<p>11.3 Pemenang "Hadiah Utama" perlu mengemukakan maklumat dan dokumen berikut kepada pihak Bank untuk tujuan pengesahan tuntutan serta tertakluk kepada polisi dan prosedur Bank untuk menuntut hadiah:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>(a) Salinan kad pengenalan (KP) / Pasport;</li> <li>(b) Alamat;</li> <li>(c) Nombor telefon; dan</li> <li>(d) Lain-lain dokumen yang diperlukan oleh Bank dari semasa ke semasa.</li> </ul> <p>11.4 Pemenang hendaklah mengemukakan maklumat dan dokumen seperti yang dinyatakan di perkara 11.3 melalui serahan tangan atau secara pos ke alamat Ibu Pejabat BSN seperti berikut:</p> <p style="text-align: center;"><b>Seksyen Sokongan Perniagaan, Jabatan Deposit &amp; Pembayaran, 117, Jalan Ampang, 50450 Kuala Lumpur No.Tel.: 03-20283222 Samb. 12620 / 15694 No. Faks: 03-2028 6675</b></p> <p>11.5 Pemenang dengan ini bersetuju bahawa pihak Bank tidak akan bertanggungjawab ke atas kehilangan atau kerosakan mana-mana dokumen yang dihantar oleh Pemenang.</p> <p>11.6 Pelanggan dengan ini bersetuju bahawa penentuan Pemenang adalah muktamad. Tiada sebarang surat-menyurat, pertanyaan, rayuan atau protes akan dilayan.</p>
<b>12. LIABILITI</b>	<p>11.4 Pelanggan yang membuat langganan dan/atau mengambil bahagian dalam mana-mana kempen berkaitan BSN SSP adalah dianggap telah membaca, memahami dan bersetuju dengan Terma dan Syarat yang dinyatakan disini.</p> <p>11.5 Pelanggan dengan ini bersetuju bahawa pihak Bank tidak</p>	<p>12.4 Pelanggan yang membuat Langganan dan/atau mengambil bahagian dalam mana-mana kempen berkaitan BSN SSP adalah dianggap telah membaca, memahami dan bersetuju dengan Terma dan Syarat yang dinyatakan disini.</p> <p>12.5 Pelanggan dengan ini bersetuju bahawa pihak Bank tidak akan bertanggungjawab ke atas apa-apa kerosakan atau ganti rugi</p>

	<p>akan bertanggungjawab ke atas apa-apa kerosakan atau kerugian yang ditanggung (termasuk dan tidak terhad kepada kehilangan pendapatan, keuntungan atau nama baik secara langsung atau tidak langsung secara insiden, berkepentingan, berteladan, punitif atau kerosakan khas kepada mana-mana pihak termasuk pihak ketiga) walau bagaimanapun ia berlaku samada dari segi kontrak, salah laku, kecuaiian atau apa-apa sahaja tindakan yang timbul akibat daripada atau berkaitan dengan Cabutan atau Hadiah BSNSSP.</p> <p>11.6 Pelanggan dengan ini bersetuju bahawa Keputusan BSN terhadap sebarang perkara berkaitan BSN SSP dan Cabutan BSN SSP adalah muktamad, tidak boleh dipertikaikan dan terikat. Sebarang surat-menyurat, rayuan, bantahan atau cubaan untuk mempertikaikan apa-apa keputusan tidak akan dilayan.</p> <p>11.7 Pelanggan dengan ini bersetuju bahawa melainkan Terma dan Syarat tertentu yang dinyatakan di dalam ini, semua terma dan syarat lain yang dinyatakan dalam kaedah-kaedah dan peraturan sediaada yang mengawal BSN SSP hendaklah terus terpakai.</p>	<p>(termasuk dan tidak terhad kepada kerugian pendapatan, keuntungan atau nama baik secara langsung atau tidak langsung secara insiden, berikutan, teladan, punitif atau khas kepada mana-mana pihak termasuk pihak ketiga) yang timbul dalam apa jua cara sama ada dari segi kontrak, tort, kecuaiian atau apa-apa sahaja tindakan yang timbul akibat daripada atau berkaitan dengan cabutan atau Hadiah BSNSSP.</p> <p>12.6 Pelanggan dengan ini bersetuju bahawa Keputusan BSN terhadap sebarang perkara berkaitan BSN SSP dan cabutan BSN SSP adalah muktamad, tidak boleh dipertikaikan dan mengikat (Pelanggan). Sebarang surat-menyurat, rayuan, bantahan atau cubaan untuk mempertikaikan apa-apa keputusan tidak akan dilayan.</p> <p>12.7 Pelanggan dengan ini bersetuju bahawa melainkan Terma dan Syarat tertentu yang dinyatakan di dalam ini, semua terma dan syarat lain yang dinyatakan dalam kaedah-kaedah dan peraturan sediaada yang mengawal BSN SSP hendaklah terus terpakai.</p>
<b>13. HAK UNTUK MENDEBIT AKAUN DAN PELARASAN</b>	<p>12.1 Pelanggan dengan ini memberi kuasa kepada Bank untuk membuat pendebitan akaun ke atas sebarang amaun berkaitan yang telah bayar atau terkredit ke dalam akaun dan/atau oleh sebab mana-mana keralatan operasi Bank dan/atau sistem dan/atau apa-apa sebab lain yang di luar kawalan munasabah Bank dengan memberikan notis yang memadai kepada Pelanggan sebelum sebarang pelarasan dilakukan.</p>	<p>13.1 Pelanggan dengan ini memberi kuasa kepada Bank untuk menahan dan membuat pendebitan Akaun ke atas sebarang amaun berkaitan yang telah dilbayar atau dikredit secara tidak langsung ke dalam Akaun akibat daripada kesilapan operasi dan/atau sistem Bank atau kerosakan dan/atau apa-apa sebab lain yang berada di luar kawalan munasabah Bank, dengan memberikan Notis yang Mencukupi kepada Pelanggan sebelum sebarang pelarasan dilakukan.</p>
<b>14. HAK UNTUK TOLAK SELESAI</b>	<p>13.1 Pelanggan dengan ini bersetuju bahawa Bank mempunyai hak untuk menolak selesai atau memindahkan sebarang baki kredit dalam Akaun bagi tujuan pengurangan dan/atau pelepasan sebarang jumlah terhutang kepada Bank, dengan memberikan notis tujuh (7) hari sebelum tarikh kuatkuasa kepada Pelanggan.</p>	<p>14.1 Pelanggan dengan ini bersetuju bahawa Bank mempunyai hak untuk menolak selesai atau memindahkan sebarang baki kredit dalam Akaun (termasuk apa-apa hadiah berbentuk wang yang diterima daripada cabutan BSN SSP (sekiranya ada) bagi tujuan pengurangan dan/atau pembayaran sebarang jumlah keterhutangan Pelanggan kepada Bank, dengan memberikan notis tujuh (7) hari sebelum tarikh kuatkuasa kepada Pelanggan.</p>

<p><b>15. FI DAN CAJ</b></p>	<p>14.1 Bank adalah berhak untuk mengenakan perkara-perkara berikut ke atas BSN SSP:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>(a) Kos, fi dan caj yang dikenakan ke atas transaksi yang dilaksanakan dan untuk perkhidmatan yang disediakan oleh Bank pada kadar tersebut yang terpakai dari semasa ke semasa;</li> <li>(b) Apa-apa caj perkhidmatan ke atas BSN SSP (jika ada) yang selaras dengan peraturan manamana badan/persatuan/pihak berkuasa kawal selia atau Bank; dan</li> <li>(c) Apa sahaja caj yang boleh dikenakan atau apa-apa transaksi atau perkhidmatan ke atas Pelanggan pada masa ini atau pada masa akan datang yang dikenakan oleh undang-undang atau yang perlu dikenakan caj</li> </ul> <p>14.2 Pelanggan dengan ini bersetuju bahawa Bank mempunyai hak untuk mengenakan dan / atau mengubah fi dan caj dari semasa ke semasa kepada Pelanggan dan fi dan caj tersebut akan berkuatkuasa pada tarikh yang ditentukan oleh Bank untuk diterima pakai. Pelanggan bersetuju untuk terikat dengan Fi dan Caj Bank, yang membentuk sebahagian daripada Terma dan Syarat ini. Walau bagaimanapun, apa-apa perubahan terhadap fi dan caj akan dimaklumkan kepada Pelanggan dengan memberikan Notis Yang Memadai sebelum tarikh kuatkuasa pelaksanaannya. Pemakluman akan dimaklumkan kepada Pelanggan secara bertulis atau elektronik atau melalui paparan di Cawangan dan Laman Web Bank.</p>	<p>15.1 Pihak Bank berhak untuk mengenakan dan menolak daripada jumlah BSN SSP dalam Akaun Pelanggan perkara-perkara berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>(a) Kos, fi dan caj yang dikenakan ke atas transaksi yang dilaksanakan dan untuk perkhidmatan yang disediakan oleh Bank pada kadar tersebut yang terpakai dari semasa ke semasa;</li> <li>(b) Apa-apa caj perkhidmatan ke atas BSN SSP (jika ada) yang selaras dengan undang-undang yang terpakai dan berkuatkuasa serta peraturan dan arahan yang dikeluarkan oleh Kerajaan Malaysia, pihak berkuasa yang mempunyai bidangkuasa dan/atau badan penyelia yang berkaitan.</li> </ul> <p>15.2 Sehubungan Klausula 15.1(a) di atas, Pelanggan dengan ini bersetuju bahawa Bank mempunyai hak untuk mengenakan dan/atau mengubah kos, fi dan caj dari semasa ke semasa dan kos, fi dan caj tersebut akan berkuatkuasa pada tarikh yang ditentukan oleh Bank untuk digunapakai. Apa-apa perubahan terhadap fi dan caj akan dimaklumkan kepada Pelanggan dengan memberikan Notis Mencukupi sebelum tarikh kuatkuasa pelaksanaannya melalui paparan di cawangan Bank dan/atau Laman Web Bank.</p>
<p><b>16. PERTUKARAN BUTIRAN</b></p>	<p>15.1 Pelanggan hendaklah dengan segera memaklumkan pihak Bank sebarang pertukaran alamat, nombor untuk dihubungi, penandatanganan yang dibenarkan atau butiran lain dengan mengunjungi Cawangan Bank, sekiranya gagal, pihak Bank berhak untuk bergantung kepada butiran terakhir yang diketahui di dalam rekod Bank.</p>	<p>16.1 Pelanggan hendaklah dengan segera memaklumkan kepada pihak Bank mengenai sebarang pertukaran alamat, nombor untuk dihubungi, penandatanganan yang dibenarkan atau butiran lain dengan mengunjungi Cawangan Bank, sekiranya gagal, pihak Bank berhak untuk bergantung kepada butiran terakhir yang diketahui di dalam rekod Bank termasuk dalam berkomunikasi dengan dan/atau menyampaikan apa-apa notis atau dokumen mahkamah kepada Pelanggan.</p>

	<p>15.2 Pelanggan dengan ini bersetuju bahawa segala surat-menyerurat yang dihantar ke alamat terakhir mengikut rekod pihak Bank adalah dianggap telah diserahkan kepada pelanggan.</p> <p>15.3 Sekiranya tandatangan pelanggan digunakan sebagai pengesahan, tandatangan yang sama hendaklah digunakan seperti yang terdapat di dalam rekod pihak Bank ketika membuat urusan bagimengelakkan sebarang kesulitan.</p>	<p>16.2 Pelanggan dengan ini bersetuju bahawa segala surat-menyerurat atau dokumen mahkamah yang dihantar ke alamat terakhir mengikut rekod pihak Bank adalah dianggap telah diserahkan kepada Pelanggan.</p>
<p><b>17. ANTI PENCEGAHAN WANG HARAM DAN PENCEGAHAN PEMBIAYAAN KEGANASAN</b></p>	<p>16.1 Pelanggan hendaklah pada setiap masa memastikan bahawa tiada dana yang dipindahkan ke dandari akaun adalah hasil daripada, atau akan digunakan untuk sebarang aktiviti yang menyalahi undang-undang yang melanggar mana-mana Undang-undang Pencegahan Pengubahan WangHaram.</p> <p>16.2 Pelanggan berakujanji <b>tidak akan</b>:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>(a) Menggunakan akaun, secara langsung atau tidak langsung, untuk transaksi yang melibatkansebarang aktiviti yang menyalahi undang-undang;</li> <li>(b) Menyembunyikan atau menyamarkan sifat sebenar sebarang aktiviti yang menyalahi undang-undang;</li> <li>(c) Menggunakan sebarang wang daripada akaun untuk sebarang pengubahan wang haram atautujuan lain yang menyalahi undang-undang.</li> </ul> <p>16.3 Pelanggan bersetuju bahawa Bank mempunyai hak untuk meminta Pelanggan untuk memberikan Bank semua dokumen, maklumat dan kebenaran yang diperlukan oleh Bank untuk membuka dan menyelenggara Akaun Pelanggan bagi memenuhi keperluan <i>Know Your Customer</i>, Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan keperluan Anti-Pembiayaan-Keganasan dan mana-mana undang- undang dan peraturan lain yang Bank perlukan atau bersetuju untuk mematuhi. Pelanggan mesti memberitahu Bank dengan segera, secara bertulis, sebarang perubahan dalam mana-mana dokumen, maklumat</p>	<p>17.1 Pelanggan hendaklah pada setiap masa memastikan bahawa tiada dana yang dipindahkan ke dan dari Akaun Pelanggan adalah hasil daripada, atau akan digunakan untuk dan/atau berkait dengan sebarang aktiviti yang melanggar Undang-undang Pencegahan Pengubahan Wang Haram.</p> <p>17.2 Pelanggan berakujanji <b>tidak akan</b>:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>(a) Menggunakan Akaun Pelanggan, secara langsung atau tidak langsung, untuk transaksi yang melibatkansebarang aktiviti yang menyalahi undang-undang;</li> <li>(b) Menyembunyikan atau menyamarkan sifat sebenar sebarang aktiviti yang menyalahi undang-undang;</li> <li>(c) Menggunakan sebarang wang daripada Akaun Pelanggan untuk sebarang pengubahan wang haram atautujuan lain yang menyalahi undang-undang.</li> </ul> <p>17.3 Pelanggan bersetuju bahawa Bank berhak untuk meminta Pelanggan menyediakan semua dokumen, maklumat dan kebenaran yang diperlukan oleh Bank untuk membuka dan menyelenggara Akaun Pelanggan bagi tujuan memenuhi keperluan Know Your Customer (KYC), Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Anti-Pembiayaan Keganasan serta undang- undang dan peraturan lain yang perlu dipatuhi oleh Bank. Pelanggan hendaklah segera memaklumkan kepadaBank secara bertulis tentang sebarang perubahan dalam dokumen, maklumat atau kebenaran yang diberikan kepada Bank, dan memberikan Bank dokumen sokongan dan bukti mengenai perubahan tersebut.</p> <p>17.4 Untuk mematuhi undang-undang tempatan atau luar negara, peraturan, kod sukarela, arahan, penghakiman atau perintah</p>

	<p>atau kebenaran yang diberikan kepada Bank, dan memberikan Bank dokumen sokongan dan bukti sebarang perubahan tersebut.</p> <p>16.4 Untuk mematuhi undang-undang tempatan atau luar negara, peraturan, kod sukarela, arahan, penghakiman atau perintah mahkamah, dan mana-mana pihak berkuasa, pengawal selia atau agensi penguatkuasaan, dasar, amalan baik, sekatan atau embargo kerajaan, keperluan pelaporan di bawah perundangan dan tuntutan transaksi kewangan atau permintaan mana-mana pihak berkuasa, pengawal selia, tribunal, agensi penguatkuasaan, badan pertukaran yang berkaitan dengan pengubahan wang haram dan aktiviti yang menyalahi undang-undang, Bank mempunyai hak untuk mengambil sebarang tindakan yang dipercayai perlu, termasuk pembekuan dana, menghalang operasi akaun, menolak permintaan untuk dana daripada Pelanggan, tidak membenarkan Pelanggan menggunakan produk, atau menanggunghkan atau membatalkan transaksi. Bank tidak perlu memaklumkan Pelanggan sehingga masa yang munasabah selepas ia dibenarkan berbuat demikian di bawah undang-undang atau polisi tersebut. Bank tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kerugian yang timbul daripada sebarang tindakan yang diambil atau sebarang kelewatan atau kegagalan oleh Bank, dalam melaksanakan mana-mana kewajipannya atau kewajipan lain.</p>	<p>mahkamah, dan mana-mana pihak berkuasa, pengawal selia atau agensi penguatkuasaan, dasar, amalan baik, sekatan atau embargo kerajaan, keperluan pelaporan di bawah perundangan dan tuntutan transaksi kewangan atau permintaan mana-mana pihak berkuasa, pengawal selia, tribunal, agensi penguatkuasaan, badan pertukaran yang berkaitan dengan pengubahan wang haram dan aktiviti yang menyalahi undang-undang, Bank mempunyai hak untuk mengambil sebarang tindakan yang dipercayai perlu, termasuk pembekuan dana, menghalang operasi akaun, menolak permintaan untuk dana daripada Pelanggan, tidak membenarkan Pelanggan menggunakan produk, atau menanggunghkan atau membatalkan transaksi. Bank tidak perlu memaklumkan Pelanggan sehingga masa yang munasabah selepas ia dibenarkan berbuat demikian di bawah Undang-undang Pencegahan Pengubahan Wang Haram. Bank tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kerugian yang timbul daripada sebarang tindakan yang diambil atau sebarang kelewatan atau kegagalan oleh Bank, dalam melaksanakan mana-mana kewajipannya atau kewajipan lain.</p> <p>17.5 Terikat oleh Undang-undang Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pihak Ketiga juga hendaklah memastikan bahawa jumlah yang dibayar dan/atau perlu dibayar oleh Pihak Ketiga kepada Bank untuk tujuan Langgan BSN SSP bukanlah hasil daripada, atau akan digunakan untuk dan/atau berkaitan dengan sebarang aktiviti haram yang mungkin melanggar Undang-undang Pencegahan Pengubahan Wang Haram.</p>
<p><b>18. PENDEDAHAN MAKLUMAT PELANGGAN DAN DATA PERIBADI</b></p>	<p>17.3 Pelanggan dengan ini secara nyata bersetuju pendedahan tersebut dan mengesahkan dan mengisytiharkan bahawa terma-terma yang terkandung di dalamnya hendaklah tertakluk kepada Polisi Privasi yang boleh diakses di laman web Bank <a href="http://www.bsn.com.my">www.bsn.com.my</a>. Sekiranya berlaku apa-apa percanggahan di antara terma yang terkandung di sini dengan terma yang dinyatakan dalam Polisi Privasi, terma dan syarat di dalam Polisi Privasi akan diguna pakai.</p> <p>17.4 Pelanggan dengan ini mengakui bahawa Pelanggan</p>	<p>18.3 Pelanggan dengan ini secara nyata bersetuju ke atas pendedahan tersebut dan mengesahkan serta mengisytiharkan bahawa terma-terma yang terkandung di dalamnya adalah tertakluk kepada Polisi Privasi yang boleh diakses di Laman Web Bank. Sekiranya berlaku apa-apa percanggahan di antara terma yang terkandung di sini dengan terma yang dinyatakan dalam Polisi Privasi, terma dan syarat di dalam Polisi Privasi akan diguna pakai.</p> <p>18.4 Pelanggan dengan ini mengakui bahawa Pelanggan mempunyai hak untuk :</p> <p>(a) menarik balik kebenaran yang telah diberikan mengikut proses yang dinyatakan dalam Polisi Privasi;</p>

	<p>mempunyai hak untuk menarik balik kebenaran yang telah diberikan mengikut proses yang dinyatakan dalam Polisi Privasi. Walaubagaimanapun, penarikan balik kebenaran Pelanggan boleh menjejaskan perkhidmatan yang diberikan oleh Bank kepada Pelanggan.</p> <p>17.5 Pelanggan dengan ini bersetuju memberikan keizinan kepada BSN dan/atau sekutu berkenaan dengannya, untuk menggunakan Data Peribadi dan Butiran Penyertaan seperti yang diberikan kepada BSN untuk tujuan BSN SSP.</p> <p>17.6 Para pemenang dengan ini bersetuju dan memberi kuasa kepada bank untuk menerbitkan atau memaparkan nama, gambar atau maklumat lain pemenang untuk tujuan pengumuman pemenang, pengiklanan dan promosi semasa dan akan datang dengan cara apa pun yang difikirkan sesuai oleh bank dan / atau penyedia perkhidmatannya yang sah.</p>	<p>(b) meminta apa-apa pembedulan dilakukan/mengemaskini Data Peribadi; dan</p> <p>(c) bertanyakan sebarang pertanyaan mengenai penggunaan Data Peribadi dengan menghubungi BSN.</p> <p>dengan menghubungi BSN. Pelanggan faham bahawa penarikan balik kebenaran Pelanggan yang dinyatakan di sub-klausa (a) di atas boleh menjejaskan perkhidmatan yang diberikan oleh Bank kepada Pelanggan.</p> <p>18.5 Pelanggan dengan ini bersetuju memberikan keizinan kepada BSN dan/atau sekutu berkenaan dengannya, untuk menggunakan Data Peribadi dan lain-lain butiran yang diberikan oleh Pelanggan kepada Bank untuk tujuan keseluruhan operasi Bank berkenaan BSN SSP Pelanggan.</p> <p>18.6 Para Pelanggan dengan ini bersetuju dan memberi kuasa kepada Bank untuk menerbitkan atau memaparkan nama, gambar atau maklumat lain Pelanggan dan/atau mendedahkannya kepada penyedia perkhidmatan Bank yang diberi kuasa, untuk tujuan pengiklanan dan promosi semasa dan akan datang, pengumuman pemenang dan tujuan promosi dengan cara apa pun yang difikirkan sesuai oleh Bank dan/atau penyedia perkhidmatannya yang diberi kuasa.</p> <p>18.7 Walau apa pun yang bertentangan, Pelanggan dan/atau Pihak Ketiga hendaklah pada setiap masa terikat dengan Polisi Privasi yang terdapat di Laman Web Bank.</p>
<p><b>19. KEADAAN YANG TIDAK DIJANGKA</b></p>	<p>18.1 Walau apa pun peruntukan lain yang terkandung dalam dokumen ini, sekiranya pihak Bank tidak dapat melaksanakan apa-apa operasi atau menyediakan mana-mana perkhidmatan atas apa-apa sebab di luar kawalan Bank, termasuk namun tidak terhad kepada kebakaran, gempa bumi, banjir, wabak, pandemik, malapetaka, kemalangan, rusuhan, gangguan awam, pertikaian perindustrian, tindakan musuh awam, embargo, peperangan, bencana alam atau apa-apa faktor yang bersifat tidak boleh dijangka Bank tidak boleh, dalam apa jua keadaan, dipertanggungjawabkan terhadap apa-apa kemungkiran obligasi, kesulitan, kerugian, kecederaan, kerosakan yang</p>	<p>19.1 Walau apa pun peruntukan lain yang terkandung dalam dokumen ini, sekiranya pihak Bank tidak dapat melaksanakan apa-apa operasi atau menyediakan mana-mana perkhidmatan berdasarkan Terma dan Syarat ini atas apa-apa sebab di luar kawalan Bank, termasuk namun tidak terhad kepada kebakaran, gempa bumi, banjir, wabak, pandemik, malapetaka, kemalangan, rusuhan, gangguan awam, pertikaian perindustrian, tindakan musuh awam, embargo, peperangan, bencana alam atau apa-apa faktor yang bersifat tidak boleh dijangka Bank tidak boleh, dalam apa jua keadaan, dipertanggungjawabkan terhadap apa-apa kemungkiran obligasi, kesulitan, kerugian, kecederaan, kerosakan yang ditanggung atau dialami oleh Pelanggan dan/atau Pihak Ketiga akibat daripadanya.</p>

	ditanggung atau dialami oleh Pelanggan akibat daripadanya.	
<b>20. PERUBAHAN TERMA DAN SYARAT</b>	<p>19.1 Walau apapun yang terkandung disini, Bank berhak dengan memberi Notis Yang Memadai sebelum tarikh berkuatkuasa, untuk menambah, menggugur atau meminda mana-mana peruntukan yang dinyatakan di sini pada bila-bila masa. Sebarang perubahan, penambahan, pengguguran atau pindaan ("Pindaan") kepada peruntukan di dalam ini akan mengikat Pelanggan dan Bank dianggap telah membuat pemakluman kepada Pelanggan melalui notis tersebut. Kesemua Terma dan Syarat sebelumnya akan terbatal dan digantikan sepenuhnya oleh Terma dan Syarat terkini.</p> <p>19.2 Sebarang pemakluman daripada Bank kepada Pelanggan boleh dihantar secara peribadi atau melalui pos berdaftar / biasa kepada Pelanggan di alamat semasa yang disimpan oleh Bank atau melalui paparan di Laman Web Bank atau premis Bank atau melalui mel elektronik, perkhidmatan pesanan ringkas (SMS) atau dengan cara lain yang dianggap sesuai oleh Bank secara bertulis atau melalui iklan dipaparkan di cawangan dan Laman Web Bank.</p> <p>19.3 Pindaan, pembatalan atau penambahan tersebut adalah dianggap mengatasi sebarang peruntukan atau representasi yang terkandung dalam bahan-bahan promosi pengiklanan berkaitan BSN SSP ini.</p>	<p>20.1 Walau apapun yang dinyatakan di sini, Bank berhak untuk menambah, menggugurkan atau meminda mana-mana peruntukan yang dinyatakan di sini pada bila-bila masa dengan memberi Notis Mencukupi kepada Pelanggan dan/atau Pihak Ketigasebelum tarikh berkuat kuasa melalui paparan di Laman Web Bank, pos, pemakluman di media massa, paparan di cawangan Bank, hantaran elektronik dan/atau cara lain yang dianggap sesuai oleh Bank. Sebarang perubahan, penambahan, pengguguran atau pindaan ("Pindaan") terhadap peruntukan yang dinyatakan di sini akan mengikat Pelanggan dan/atau Pihak Ketiga, dan Bank dianggap telah memaklumkan Pindaan kepada Pelanggan dan/atau Pihak Ketiga melalui penyampaian notis tersebut. Keseluruhan Terma dan Syarat sebelumnya akan terbatal dan digantikan sepenuhnya oleh Terma dan Syarat terkini. Pelanggan dan/atau Pihak Ketiga dinasihati untuk mengakses Laman Web Bank dengan kerap untuk memastikan Pelanggan dan/atau Pihak Ketiga mendapat maklumat terkini berhubung sebarang perubahan atau pindaan yang dibuat ke atas Terma dan Syarat ini.</p> <p>20.2 Pindaan atau penambahan tersebut hendaklah mengatasi sebarang peruntukan atau butiran yang terkandung dalam bahan-bahan promosi pengiklanan berkaitan BSN SSP.</p>
<b>22. KESAN MENGIKAT</b>	21.1 Terma dan syarat ini hendaklah mengikat waris/pemegang serah hak dan pengganti hak Pelanggan Bank.	22.1 Terma dan syarat ini hendaklah mengikat waris/pemegang serah hak dan pengganti hak Pelanggan, Pihak Ketiga (mengikut keadaan) dan Bank.